

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (14)

29 November 2022  
4 Jamadilawal 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 47/2022

### POLISI PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia Bil 122 pada 19 Oktober 2022 telah meluluskan cadangan pindaan dan penambahbaikan Polisi Penyelidikan dan Pembangunan Universiti Teknologi Malaysia dengan penjenamaan semula kepada Polisi Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknologi Malaysia.

2. Pindaan ini dilaksanakan adalah bagi memastikan pemampanan ekosistem Penyelidikan dan Inovasi di Universiti Teknologi Malaysia. Polisi ini dibaca bersama empat (4) polisi, 24 prosedur dan enam (6) garis panduan yang dihasilkan oleh lima (5) entiti perkhidmatan yang berkaitan dengan Penyelidikan dan Inovasi.
3. Polisi ini bertujuan sebagai dokumen rujukan untuk memastikan warga penyelidik Universiti Teknologi Malaysia dapat menjiwai peranan serta tindakan yang komprehensif dalam memastikan Visi dan Misi Penyelidikan di Universiti ini tercapai.
4. Polisi ini juga bertujuan untuk memperkasakan ekosistem Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dengan membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif, beretika, sistematik, inovatif, produktif dan berimpak tinggi ke arah mencapai bidang tujahan Universiti.
5. Polisi ini terpakai kepada semua penyelidik yang menguruskan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi.
6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Polisi Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknologi Malaysia yang berkuatkuasa mulai **1 November 2022**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah